

SABAH STATE ATTORNEY-GENERAL'S INSIGHT



**BENGKEL PEMANTAPAN PERANCANGAN
PELAN STRATEGIK JABATAN PEGUAM
BESAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2021
- 2025**

HALA TUJU JABATAN

TARIKH : 9 JANUARI 2021 HINGGA
10 JANUARI 2021

KOTA KINABALU - Pemantapan Perancangan Pelan Strategik Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah bagi tempoh 2021 hingga 2025 merupakan salah satu matlamat bagi menentukan hala tuju jabatan ini bagi tempoh lima (5) tahun.

Sebagai badan perundungan utama bagi Kerajaan Negeri Sabah, penetapan misi hendaklah diselaraskan dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri yang lain. Setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sabah perlu menetapkan misi bagi membolehkan pelaksanaan tugas-tugas dan menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dilaksanakan dengan penuh dedikasi seperimana yang ditetapkan oleh misi mereka.

Bengkel ini diadakan pada 9 Januari hingga 10 Januari 2021 selama dua (2) hari satu (1) malam bagi melaksanakan pemantapan perancangan pelan strategik dan penetapan hala tuju jabatan yang bakal dijadikan rujukan bagi mencapai kecemerlangan jabatan.

Bengkel ini dipengerusikan oleh Datuk Nor Asiah Binti Mohd Yusof, Peguam Besar Negeri Sabah dan diadakan di Shangri-La's Resort & Spa, Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

